

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 ( SELASA )**

**SOALAN**

**TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status dan pencapaian yang telah dicapai oleh kerajaan di mana Kerajaan telah memperuntukkan RM125 juta melalui KWPSM/HRDF untuk pelaksanaan inisiatif Place and Train di bawah Program Janapreneur yang dijangka akan membuka peluang kepada 30,000 orang dengan jaminan pekerjaan setelah tamat latihan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melancarkan Inisiatif PENJANA HRDCorp sebelum ini dengan objektif untuk menyokong agenda Kerajaan di dalam memulihkan semula ekonomi Negara.

Antara skim yang berjaya di bawah inisiatif PENJANA HRDCorp adalah skim *Place & Train* yang bertujuan untuk melatih dan menyediakan pekerjaan bagi rakyat Malaysia terutama bagi graduan, pelajar lepasan sekolah dan pekerja yang diberhentikan dengan mengambil bahagian dalam kursus latihan kemahiran seterusnya mendapat penempatan pekerjaan.

## SOALAN NO : 64

Peruntukan kewangan yang telah diluluskan ialah RM95 juta yang memberi manfaat kepada 18,131 pelatih. Daripada jumlah tersebut, seramai 8,693 pelatih telah menamatkan latihan dan mendapat penempatan pekerjaan.

Bagi meneruskan kesinambungan dalam agenda pemulihan ekonomi tersebut, selaras dengan pengumuman Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH), Kementerian Sumber Manusia menerusi PSMB akan meneruskan pelaksanaan inisiatif yang memfokuskan kepada *Place and Train* dan Penjanaaan Pendapatan.

Inisiatif *Place and Train* dan Penjanaaan Pendapatan dirangka dengan memfokuskan kepada pemberian latihan peningkatan kemahiran atau latihan semula kemahiran kepada individu yang perlu dilatih sebelum mereka bekerja seterusnya menjana pendapatan.

Inisiatif ini yang dijangka membuka peluang kepada 30,000 orang untuk mengikuti program latihan kemahiran dengan jaminan pekerjaan setelah tamat latihan yang melibatkan RM125 juta peruntukan dan disokong oleh Platform HRDCorp Placement Centre (HPC) serta Jana'Preneur.

PSMB telah memuktamadkan mekanisme bagi pelaksanaan inisiatif ini dan pelaksanaan program ini akan dijalankan setelah menerima peruntukan yang akan disalurkan oleh pihak Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[LANANG]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN ALICE LAU KIONG YIENG** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) sama ada rakyat digalakkan membuat COVID-19 antibody test untuk memastikan mereka mempunyai antibodi tersebut dan diberi vaksinasi selanjutnya jika keputusannya adalah negatif; dan
- (b) bilakah Kementerian akan memulakan program pemberian suntikan vaksin dos ketiga (atau *booster dose*) memandangkan negara Amerika Syarikat akan memberi dos ketiga vaksin COVID-19 kepada rakyat mereka mulai 20 September 2021.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) masih belum menetapkan piawaian ujian antibodi COVID-19. Oleh demikian, kerajaan Malaysia mengambil pendekatan untuk tidak menjadikan ujian antibodi sebagai ujian rutin selepas vaksinasi COVID-19. Pada masa ini, ujian antibodi COVID-19 hanya adalah digunakan untuk penyelidikan sahaja.
2. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pada 19 September 2021 bahawa kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 bagi meningkatkan perlindungan kepada

golongan rentan daripada risiko jangkitan COVID-19. Pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 akan dilaksanakan apabila liputan imunisasi populasi dewasa di seluruh negara melebihi 80%.

3. Keutamaan akan diberikan kepada kumpulan yang berisiko tinggi terlebih dahulu seperti anggota barisan hadapan kesihatan, pesakit kurang daya tahan imun (*immunocompromised*), warga tua dengan komorbiditi dan individu yang tinggal atau bekerja di pusat jagaan jangka panjang (*long-term care facilities*).

4. Untuk makluman, dos tambahan terdiri daripada dua (2) kategori iaitu:

a. **Dos ketiga:** bertujuan untuk meningkatkan tahap imuniti individu berisiko tinggi, yang mana dos kedua tidak mencukupi untuk memberi perlindungan terhadap jangkitan COVID-19.

b. **Dos penggalak atau booster dose:** diberikan kepada semua individu untuk meningkatkan tahap imuniti yang menurun dalam tempoh tertentu selepas dos lengkap.

5. Sehubungan itu, panel pakar perubatan dan kesihatan sedang membangunkan satu Garis Panduan Pemberian Dos Tambahan, dan pada yang sama permohonan untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah sedang dilaksanakan.

6. Pemberian dos tambahan perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) terlebih dahulu sebelum ia dapat dilaksanakan. Sehingga kini, pihak Pemegang Pendaftaran Produk masih belum mengemukakan sebarang permohonan bagi kelulusan penggunaan dos tambahan kepada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (NPRA).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 ( SELASA )**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kutipan kompaun bagi kesalahan melanggar SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan yang dirujuk ke mahkamah kerana keengganan membayar kompaun yang tinggi dan di luar kemampuan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli-ahli yang berhormat, jumlah bilangan dan nilai kompaun melanggar SOP yang telah dikeluarkan sejak 2020 hingga kini ialah 120,974 kompaun dikeluarkan. Manakala jumlah kutipan kompaun yang diterima sehingga 26 September 2021 ialah RM74.92 juta.

2. Manakala jumlah kes yang sedang dirujuk dan dibicarakan di mahkamah adalah sebanyak 360 kes.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[ PORT DICKSON ]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [ PORT DICKSON ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terkini pesakit positif COVID-19 mengikut jenis-jenis varian dan statistik kematian mengikut pecahan varian, kumpulan umur, jantina dan negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 24 September 2021 sebanyak 1,860 kes jenis varian dilaporkan dengan 1,820 kes *variant of concern* (VOC) dan 20 kes *variant of Interest* (VOI). VOC yang dilaporkan terdiri daripada 1,612 Delta, 214 Beta dan 14 Alpha. Bagi VOI, sebanyak 13 Theta, 4 Kappa dan 3 Eta.

2. Negeri yang tertinggi kes varian dilaporkan adalah Sarawak dengan 1,059 kes, diikuti oleh Selangor dengan 224 kes, Johor 83 kes, Pulau Pinang 64, Sabah 63 kes, WP Kuala Lumpur, Kedah, Pahang 57 kes, Kelantan 39 kes, Melaka 32 dan negeri-negeri lain melaporkan di bawah 30 kes. Sarawak melaporkan kes tertinggi disebabkan Universiti Malaysia Sarawak's *Institute of Health and Community Medicine* (IHCM) menjalankan ujian *genome sequencing* dalam skala besar.

3. Sebanyak 75 kes kematian disebabkan oleh varian. Berikut adalah pecahan kes mengikut kumpulan umur:

- (a) 85 tahun ke atas dengan 4 kes (5.4%)
- (b) 80-84 tahun dengan 5 kes (6.7%)
- (c) 75-79 tahun dengan 2 kes (2.7%)
- (d) 70-74 tahun dengan 10 kes (13.4%)
- (e) 65-69 tahun dengan 4 kes (5.4%)
- (f) 60-64 tahun dengan 5 kes (6.7%)
- (g) 55-59 tahun dengan 7 kes (9.4%)
- (h) 50-54 tahun dengan 3 kes (4%)
- (i) 45-49 tahun dengan 8 kes (10.7%)
- (j) 40-44 tahun dengan 4 kes (5.4%)
- (k) 35-39 tahun dengan 8 kes (10.7%)
- (l) 30-34 tahun dengan 7 kes (9.4%)
- (m) 25-29 tahun dengan 3 kes (4%)
- (n) 20-24 tahun dengan 3 kes (4%)
- (o) 5-9 tahun dengan 1 kes (1.3%)
- (p) 0-4 tahun dengan 1 kes (1.4%)

4. Daripada segi jenis varian, sebanyak 68 kes (90.6%) adalah varian jenis Delta dan 7 kes (9.4%) adalah jenis Beta. Sebanyak 41 kes (54.6%) adalah lelaki dan 34 kes (45.4%) adalah perempuan.

5. Kes kematian tertinggi yang disebabkan oleh varian dilaporkan di Kedah dengan 19 kes diikuti oleh Pulau Pinang (10), Wilayah Persekutuan Labuan (9) kes, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (7), Johor (5 ) kes, dan negeri-negeri lain dilaporkan di bawah 5 kes.

Sekian, terima kasih.